

# NAJISNYA ANJING DAN BABI DARI SEGI ILMU

Menurut ajaran Islam, apabila tempat air minum (atau sebarang bejana) di celah-celah oleh anjing maka hukumnya: Air itu hendaklah dibuang dan tempat itu hendaklah dicuci dengan air 7 kali, salah satunya hendaklah dengan tanah.

Dalil yang menunjukkan wajibnya penyertuan najis anjing itu ialah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Muslim dan Tarmidhī dari Abū Hurayrah.

Daripada hadis yang tersebut dapat di faham bahawa najisnya anjing itu tidak sama dengan dengan najis yang lain. Kalau lain-lain najis memadai dicuci satu kali sahaja maka najis anjing itu wajib dicuci 7 kali salah satunya dengan tanah. Itulah sebabnya najis anjing disebut najis besar (*mughallazah*) kerana besar hukum menyuci dan menyertunya.

Hadis itu juga menjelaskan, bahawa tanah ialah suatu alat untuk menyucikan najis besar.

Apa rahsia yang terkandung dalam tanah itu dan apa alatnya (sebabnya) anjing itu najis?

## Perihal Anjing

Anjing ialah sejenis binatang yang banyak digunakan untuk berburu kerana mempunyai penciuman yang kuat dan amat setia, itulah sebabnya banyak orang memeliharanya.

Tetapi dalam pada itu, anjing itu pula mempunyai dua jenis penyakit yang sangat berbahaya kepada manusia.

Penyakit yang pertama terdapat pada anjing gila. (Anjing gila ini apabila menggigit maka kuman penyakitnya akan meracuni orang yang digigitnya).

Penyakit yang kedua pula berasal dari penyakit ketumbuhan pada badan anjing, yang berakhir akan pecah dan merebak. Kuman penyakit ini akan berjangkit apabila badan anjing itu dijamah oleh manusia.

Ubat membunuh kuman-kuman penyakit anjing itu banyak jenisnya tetapi yang terkenal ialah *carbol*, *lysol*, *cresol* dan akhirnya sabun dan air kapur.

Sabun dan kapurlah yang lebih murah harganya, mudah didapati di mana-mana dan tidak kalah dengan ubat-ubat lainnya- yang tersebut tadi - tentang sanggup membunuh kuman-kuman penyakit itu.

## Tanah

Zat kapur dan zat sabun ada terkandung dalam tanah dan itulah sebabnya tanah itu dijadikan penyertu najis besar.

Lebih lanjut perhatikan asal usul tanah menurut pecahan alam kimia, iaitu berasal daripada beberapa zat, seperti berikut:

1. Zat air (Hidrogen)
2. Zat Ism (Oksigen)
3. Zat Aluminium (Aluminium)

4. Zat besi (Ferum).
5. Zat Pasir (Silikon).
6. Zat Kapur (Kalsium).
7. Zat Magnesia (Magnesia).
8. Zat Soda Natron (Natrium).
9. Zat Sabun (Kalium).

Jadi, nyatalah bahawa tanah, terutama tanah liat, mengandungi tidak zat penting yang dapat membunuh kuman penyakit anjing itu iaitu zat kapur (kalsium), zat soda natron (natrium) dan zat sabun (kalium). Dengan itu juga nyatalah betapa bijaknya Islam menjadikan tanah alat penyertu najis besar, seperti najis anjing itu.

### Najis Babi

Tentang najisnya anjing dan wajib disertu memang ada keterangan agama, tetapi babi tidak ada dalil yang tegas tentang najisnya. Oleh sebab adakah babi ini juga najis dan wajib disertu seperti najis anjing?

Jawab: Haram memakan babi ialah memakan dagingnya seperti yang tersebut di dalam Qur'an. Tentang haram memakan lemaknya, uratnya dan lain-lainnya tidak ada dalilnya, baik dalam Qur'an atau Hadith.

Meskipun begitu, tetapi kita semua adalah sekata mengatakannya haram kerana benda-benda yang tersebut berasal dari daging babi juga. Dan hukum haramnya lemak babi dan lain bahagiannya kita tetapkan dengan jalan *qiyās*, iaitu menyamakan hukum sesuatu yang tidak ada dalilnya dengan hukum sesuatu yang telah ada dalilnya kerana bersamaan *'illah* (sebab) yang terdapat pada keduanya.

Demikianlah juga najis babi, meskipun belum nyata dalil yang menjajiskannya kerana *'illah* (sebab) yang ada pada anjing yang nyata dalil najisnya itu serupa dengan *'illah* yang ada padanya maka disamakan pula hukumnya-hukum najisnya babi itu - dengan hukum najis anjing.

Kuman "parasit" yang terdapat pada anjing dan menyebabkan dia najis, terdapat juga pada babi. Demikian menurut penyelidikan doktor-doktor dan ahli-ahli perubatan.

Hal ini menjadi suatu bukti yang jelas betapa tingginya *ijtihad* al-'Imām al-Shāfi'ī *rahmat Allāh Ta'ālā*, yang telah meng*qiyās*kan hukum najisnya babi dengan hukum najis anjing.

Apa yang di*qiyās*kan oleh al-'Imām al-Shāfi'ī ini adalah tepat menurut sunnah Nabi *ṣallāllahu 'alāihi wasallam*.

Di dalam hadis sahih riwayat Muslim, Rasulullah (SAW) bersabda, ertinya: "Barang siapa bermain dengan buah dadu, samalah dia seperti mencelup kedua tangannya ke dalam daging babi dan darahnya."

Sebagaimana yang diketahui, menurut ajaran Islam, bermain dadu (sejenis judi) hukum haram.

'Ibn al-Qayyum, dalam *kitabnya* "*I'lām al-Mūqi'īn*" 3:564, menerangkan bahawa bermain dadu ini termasuk dalam bahagian dosa besar.

Menurut hadis yang tersebut di atas, bermain dadu itu samalah seperti memegang daging babi dan darahnya.

Dan oleh kerana bermain dadu hukumnya haram maka memegang daging babi dan darahnya haram pula.

Dengan yang demikian jelaslah bahawa babi itu najis, kerana erti najis ialah: Sesuatu yang haram memegang dia dengan ketiadaan hajat.

(Dari buah Qalam, al-Ustādh Muḥammad 'Alī Sarjānī)